

Hak asasi: 4 daripada 10 untuk Najib, kata Suaram
Malaysiakini.com
Disember 8 ,2011
by S Pathmawathy

Kerajaan telah dikritik keras kerana melanggar hak asasi manusia dalam tindakannya ke atas beberapa gerakan masyarakat sivil tahun ini.

Pengarah Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Kua Kia Soong (kanan) hari ini berkata, kerajaan di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah gagal mempertahankan hak-hak rakyat.

"Saya akan letakkan kedudukan kerajaan, iaitu 4 daripada 10, kerana (walaupun) berjanji untuk meningkatkan lagi kebebasan sivil, masih ada perkara-perkara seperti penahanan tanpa bicara," kata Kua.

Beliau memberitahu pemberita demikian di majlis pelancaran Laporan Hak Politik dan Sivil 2001 Suaram di Kuala Lumpur hari ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/183556>